

Samudera

UMT



Universiti Malaysia Terengganu
www.umt.edu.my
OGOS 2016 BIL: 60

ASEAN Youth Carnival 2016

Anugerah
Ikon
Siswa 2016

Impian
Alumni UMT
Kelilingi Dunia

ISSN 2229 - 8363



9 771985 851000

Sidang Redaksi

PENAUNG

Naib Canselor UMT
YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar

PENASIHAT

Pengarah Penerbit UMT
Dato' Prof. Madya Dr. Noraien Mansor

KETUA EDITOR

Pegawai Penerbitan
Rabil Sitta Abdul Rahman

KETUA PENGARANG

Mohd Faizzulfikri Mohd Noor
blackhorse979@gmail.com

EDITOR

Najmul Huda Asmarudin
oleoliharu_he@yahoo.com

PEREKA

Muhammad Adli Hashim

PEMBACA PRUF

Siti Nur Shuhada Razali
syuhada_92@rocketmail.com

JURUFOTO

Muhd Razhiman Abdullah
razhimanfeelfree@gmail.com
Wan Suhada Wan A Aziz
wansuhada.abd.aziz@gmail.com
Media Kreatif UMT

WARTAWAN

Muhd Fareeq Kumar
Annis Ahmad Fauzi
Dr. Laili Che Rose
Nurussaadah Mohd Azilah
Muhammad Fikri Adib Abdul Hakim
Muhammad Akhdan Zuwairi Ta'at
Dr. Aina Mardhiah Abd. Khiri
Nurul Syahirah Roslan
Nur Farhani Zanudin
Nur Izzati Ramli

Tinta Ketua Pengarang

Assalamualaikum dan Salam 1UMT,

Ilmu itu mutiara. Sebagaimana mutiara tidak dimuntahkan timbul oleh laut, maka ilmu juga sama. Untuk mendapatkan mutiara, perlu diselami lautan, dikutip tiram dan dicari mutiaranya. Begitu juga dengan ilmu, ia perlu didapatkan dengan bersusah payah. Perlu bangun awal pagi, mendengar dan meneliti, konsisten mengulang kaji, mengorbankan masa berseronok dan banyak lagi.

Jika begitu sekali susah hendak mendapatkan ilmu, mengapa masih ramai yang bergelumbang dengan ilmu? Jawabnya kerana ilmu itu satu keperluan, bukan sekadar kehendak.

Masih tidak terlambat rasanya, kami dari Sidang Redaksi Majalah *Samudera* UMT ingin mengambil kesempatan dalam edisi kali ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga Universiti Malaysia Terengganu. Semoga kita terus istiqamah dengan amalan yang kita lakukan di bulan Ramadan dan semoga ilmu yang kita dapat di bulan tersebut terus kita amalkan dalam kehidupan.

Tanam dalam diri bahawa menuntut ilmu itu wajib ke atas kita. Barulah kita akan membudayakan ilmu sepanjang hayat, bukan lagi bermusim.

Wallahualam.

Mohd Faizzulfikri bin Mohd Noor

Hak Cipta Terpelihara © 2016. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

UMT Tuan Rumah ASEAN Youth Carnival 2016

oleh: Muhd Fareeq Kumar

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menjadi tuan rumah untuk Program ASEAN Youth Carnival 2016: *Strengthening The Cultural Heritage of ASEAN* yang julung kalinya diadakan di peringkat kebangsaan pada 9 Mei 2016. Program ini telah berlangsung selama tiga hari bertempat di UMT (9 – 11 Mei 2016). Program yang turut melibatkan sembilan Universiti Awam iaitu Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaysia Kebangsaan, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Utara Malaysia dan juga Universiti Malaysia Terengganu.

Program ini juga bertujuan untuk memberikan kesedaran, mendedahkan, memperkenalkan serta memberikan peluang untuk menghayati mengenai kepentingan pengenalan kepada Komuniti ASEAN di mana Malaysia merupakan Tuan Rumah Komuniti ASEAN pada tahun lepas yang membawa visi "ASEAN COMMUNITY: Our People, Our Community, Our Vision 2015" di samping menjalankan aktiviti di peringkat mahasiswa untuk memperkenalkan dan meneruskan agenda pihak kerajaan mengenai ASEAN Community kepada masyarakat negara ini khususnya.

Matlamat program ini adalah untuk mencapai visi dan misi UNESCO (program ini dari aspek memelihara warisan dan kebudayaan negara ASEAN) iaitu:

Visi: Peneraju dalam Penerokaan dan Pengkalan Khazanah Warisan ke Arah Pembentukan Teras Jati Diri Bangsa dan Penjana Ekonomi Negara

Misi: Meneroka, Memulihara dan Memelihara Warisan Negara ke Arah Pembangunan Mampun Sehingga Terserlah di Persada Dunia

Objektif program ini adalah seperti berikut:

- ▶ Objektif program ini adalah untuk memupuk semangat ASEAN dalam diri setiap masyarakat Malaysia serta delegasi-delegasi serta membantu dalam menjayakan kesedaran mengenai penubuhan ASEAN kepada rakyat Malaysia terutamanya para mahasiswa.
- ▶ Mempromosikan kebudayaan, kesenian serta warisan negeri Terengganu serta warisan kebudayaan Malaysia ke peringkat ASEAN dan seluruh kepada rakyat Malaysia.
- ▶ Meningkatkan lagi pendedahan mengenai UNESCO dan matlamat UNESCO di Malaysia dan rantau Asia dalam mengekalkan warisan dan kebudayaan negara masing-masing daripada terus pupus.
- ▶ Menjadikan program ini sebagai satu cara untuk mengeratkan hubungan diplomasi antara Pemimpin-pemimpin Pelajar ASEAN-UNESCO untuk bekerjasama pada masa akan datang dengan menubuhkan Jawatankuasa Pemimpin-pemimpin Pelajar UNESCO UA.
- ▶ Meningkatkan kesedaran dalam pemahaman mengenai warisan, kebudayaan serta kepentingan menjaga khazanah alam negara-negara ASEAN serta tindakan-tindakan yang perlu dilakukan dalam mengekalkannya.
- ▶ Sokongan dalam memupuk keamanan dan keselamatan melalui penglibatan mahasiswa dan mahasiswi merangkumi aktiviti kesenian, kemasyarakatan, seni budaya serta sains dan teknologi.
- ▶ Perbincangan bersama pemimpin-pemimpin belia universiti peringkat kebangsaan mengenai dasar-dasar UNESCO dalam menjaga serta mencapai matlamat ASEAN-UNESCO iaitu menjaga warisan dan kebudayaan telah diadakan.



Perasmian program ASEAN Youth Carnival 2016 telah berlangsung pada 10 Mei 2016 di Dewan Sultan Mizan, UMT yang telah dirasmikan oleh Timbalan Pengerusi (II) Jawatankuasa Pelancongan & Kebudayaan Negeri Terengganu, YB Tengku Zaihan bin Che Ku Abd Rahman. Terdapat pelbagai program dan persembahan yang telah diadakan antaranya ialah Perasmian Pembukaan ASEAN Youth Carnival serta Kebudayaan ASEAN, *Forum on Culture and Heritage of ASEAN* yang bertajuk; *Awareness of ASEAN Culture and Heritage as Tourist Destination to Youth* dan *Forum 2* yang bertajuk; *The Role of Youth and Academicians in Integrating and Enhancing Culture & Heritage Of ASEAN*.

Persidangan Pemimpin Belia UNESCO UA diadakan pada 10 Mei 2016 pada jam 8 malam di Dewan Sultan Mizan, yang pertama kalinya diadakan di peringkat kebangsaan mengumpulkan belia daripada UA lain untuk membincangkan usul-usul mengenai ASEAN serta UNESCO. Pra persidangan 1 dan 2 telah diadakan bersama delegasi Universiti Awam dalam membincangkan serta menentang isu-isu yang dilihat perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan dalam isu untuk mengekalkan tradisi,

kebudayaan, sejarah, warisan kesenian, budaya hidup, bahasa dan lain-lain lagi. Ia merupakan satu detik yang amat bermakna bagi UMT di mana, pemilihan Tuan Rumah bagi menganjurkan ASEAN Youth Carnival 2017 telah dipilih. Universiti Teknologi Malaysia telah dipilih menjadi tuan rumah bagi program ini. Hasil cetusan idea mahasiswa UMT akan diteruskan dan dilaksanakan di setiap UA yang hadir.

Pada 11 Mei 2016 pula beberapa aktiviti telah diadakan seperti Pertandingan ASEAN UMT Inter-Faculty Quiz Challenge, Pertandingan ASEAN UMT Amazing Race, ASEAN UMT Art Show, ASEAN UMT Speaker Corner, Lawatan Delegasi ASEAN-UNESCO, dan Sesi Syarahan *Reaching The Top: Now Everyone Can Learn From The Pros* oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKT Logistics, YBhg. Dato' Michael Teo.

Sememangnya, program yang mempunyai impak yang tinggi ini turut memberi peluang kepada masyarakat setempat terutamanya pelajar sekolah dan Universiti Awam untuk mendapatkan maklumat berhubung sejarah penubuhan ASEAN. Selain itu, mereka juga terdedah dengan kepentingan penubuhan itu di rantau ini dan perkembangan terkini ASEAN terutamanya berkaitan politik, ekonomi, sosial

"Melihat kesedaran dan pemahaman mengenai ASEAN dalam diri mahasiswa yang amat kurang, program ini adalah permulaan bagi mempromosikan kepada mahasiswa dan mahasiswi mengenai kewujudan dan pembentukan ASEAN. Ini merupakan salah satu program yang menyokong agenda kerajaan Malaysia dalam mempromosikan mengenai pembentukan Komuniti ASEAN yang amat penting dalam mencapai matlamat gagasan Komuniti ASEAN"

– Muhd Fareeq Kumar,
Pengerah Program.

budaya dan peranan kepada keselamatan dan kemakmuran rantau ASEAN.

Kerjasama dengan kementerian-kementerian seperti, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK) serta Kementerian Luar Negeri (KLN) dalam program ini meningkatkan hubungan diplomatik yang lebih erat dengan Kelab United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO UMT) bagi menjalankan program-program yang seterusnya serta melonjakkan nama UMT di peringkat kebangsaan.

ANUGERAH IKON SISWA



Bonda Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar menyampaikan Anugerah Ikon Siswa kepada Nurjannatul Naim binti Kamaruddin.

oleh: Annis Ahmad Fauzi

Pada 16 Mei yang lalu telah berlangsungnya Majlis Anugerah Ikon Siswa (AIS) 2016 di Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu yang dianjurkan oleh barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Holistik dan Kaunseling Pelajar (PPHKP) serta Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).

AIS 2016 dianjurkan untuk memberikan pengiktirafan dan penghargaan serta galakan

kepada mahasiswa Universiti Malaysia Terengganu yang telah banyak berusaha untuk menjadi modal insan yang holistik dan mengharumkan nama universiti ke peringkat yang lebih tinggi

Sebanyak 19 anugerah telah dipertandingkan iaitu 15 anugerah di bawah Kategori Kepimpinan, Keusahawan, Kebudayaan, Kerohanian, Kesukarelawan, Badan Beruniform, Sukan dan Rekreasi, satu Anugerah Badan Pelajar Terbaik, satu Anugerah Jasa Bakti, satu Anugerah Program Terbaik dan Anugerah

Utama (Anugerah Ikon Siswa 2016).

Pemenang Anugerah Ikon Siswa 2016, Nurjannatul Naim Kamaruddin mampu menjadi ikon yang memberi inspirasi kepada mahasiswa UMT untuk bersaing mencapai kecemerlangan. Pencapaian penerimanya terbukti mengagumkan yang boleh diukur dari segi impak, sumbangan serta keupayaan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris seiring dengan keputusan akademik yang baik. Tahniah diucapkan untuk semua penerima anugerah.



Semua penerima anugerah bergambar kenangan dengan Bonda Naib Canselor UMT.



PPPPM UMT anjur Seminar in Accounting, Business and Finance (SABF) 2016



Dekan PPPPM merakam kenangan bersama pengucaptama YBhg. Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniSZA.

oleh: Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim

Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim (PPPPM), Universiti Malaysia Terengganu telah menganjurkan Seminar in Accounting, Business and Finance (SABF) 2016 di Hotel Permai, Kuala Terengganu pada 28 Mei 2016. SABF 2016 dianjurkan sebagai platform kepada para pelajar Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) yang merupakan kohort kedua MBA-UMT untuk membentangkan dapatan kajian kertas projek tahun akhir dan untuk mendapatkan maklum balas daripada pakar-pakar dalam bidang Perniagaan/ Pengurusan Strategik dan Kewangan/ Perakaunan berkaitan kajian yang sedang dijalankan. Pembentangan dapatan kajian ini adalah sebahagian daripada komponen wajib dalam kursus Pengurusan Kertas Projek (MGM6999) yang perlu diambil oleh para pelajar berkenaan.

SABF 2016 telah dirasmikan oleh Dekan Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim, YBhg. Profesor Dr. Mohd. Shaladdin bin Muda. Majlis turut menjemput YBhg. Profesor Dr. Mahadzirah binti Mohamad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) sebagai jemputan ucaptama. SABF 2016 ini disertai oleh 31 pelajar MBA semester akhir, 28 pelajar PITA daripada SMP (Pemasaran) dan SMP (Pelancongan), pelajar ICZM dan pelajar sarjana sains. Ia juga turut disertai oleh 30 para pelajar MBA semester 2 sebagai pendedahan awal kepada mereka tentang pelaksanaan Kertas Projek/Kajian yang akan dijalankan pada semester akan datang. Sebanyak 62 kertas kerja telah dibentangkan dengan pecahan sebanyak 14 kertas projek berkaitan Kewangan/ Perakaunan dan 48 kertas berkaitan Perniagaan/ Pengurusan Strategik,

dalam 10 sesi paralel. Selain itu, ia turut melibatkan pembentangan sebanyak 28 poster penyelidikan.

Penganjuran SABF 2016 ini juga diharap dapat membentuk budaya penyelidikan ilmiah dalam kalangan pelajar dan juga dapat menjalin hubungan industri melalui kajian kes yang dijalankan. Objektif utama penganjuran SABF 2016 adalah untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan pengurusan penyelidikan. Di samping itu juga, ia membolehkan pelajar berkongsi pengetahuan berkaitan isu-isu semasa dan menyampaikan penemuan hasil penyelidikan dalam persekitaran ilmiah secara formal. SABF 2016 turut menjadi platform perbincangan antara pelajar dan ahli akademik. SABF 2016 adalah lanjutan dari Kolokium MBA 2016 yang telah dianjurkan pada 8 Februari 2016 yang bertempat di Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim (PPPPM), UMT.



Sebahagian daripada peserta SABF 2016.



Salah seorang peserta memberi penerangan kepada juri pertandingan poster penyelidikan.



Dekan PPPPM, YBhg. Prof. Dr. Mohd. Shaladdin bin Muda menyampaikan cenderamata kepada YBhg. Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad.

Explore Science Camp 2016

Pupuk Minat Pelajar Terhadap Sains



oleh: Dr. Laili Che Rose

Selaras dengan pergerakan idea Program Science Technology Engineering and Mathematics (STEM) Kementerian Pendidikan Malaysia, Explore Science Camp 2016 telah dianjurkan dengan jayanya oleh Pusat Pengajian Sains Asas (PPSA) pada 5 sehingga 7 Mei 2016 berlandaskan objektif STEM. Antara objektif utama Explore Science Camp 2016 adalah untuk menerapkan unsur sains khususnya dalam sains kimia dan sains biologi dalam diri pelajar. Program yang julung kalinya diadakan ini adalah bersandarkan idea penasihat bagi kelab akademik Kelab Sains Kimia (KESMIA), Dr. Laili Haji Che Rose di mana gabungan kerjasama di antara dua kelab akademik di bawah Pusat Pengajian Sains Asas iaitu Kelab Sains Kimia (KESMIA) dan Kelab Gabungan Mahasiswa Biologi (BIOSIS) telah menggerakkan program ini dengan jayanya.

Melalui program 3 hari 2 malam ini, semua peserta menetap di Kolej Siswa UMT dan menjalankan pelbagai aktiviti yang berlandaskan sains di dalam dan luar makmal. Peserta Explore Science Camp 2016 terdiri daripada pelbagai umur di mana peserta termuda berumur 7 tahun manakala peserta paling dewasa berumur 16 tahun. Program dimulakan dengan sesi pendaftaran di mana peserta dibahagikan kepada kumpulan masing-masing dan di bawa ke asrama untuk bersiap. Pembahagian peserta kepada kumpulan LDK dilakukan dan dua orang Mentor disertakan untuk menyelia kemajuan dan keselamatan peserta-peserta cilik Explore Science Camp. Setiap peserta mendapat *goodie bag* yang mengandungi *button badge* Explore Science Camp 2016 beserta tag nama khas bagi setiap peserta. Aktiviti pertama yang dijalankan adalah aktiviti Ice Breaking di mana peserta mengenalkan diri masing-masing. Mentor turut memperkenalkan

diri untuk memudahkan proses penyesuaian peserta kepada kakak dan abang baru mereka. *Ice breaking* disusuli dengan aktiviti menarik seperti *Bingo* dan *Flower Change*. Selesai aktiviti *Ice Breaking*, program pada hari pertama diakhiri dengan pelajar bermalam di asrama.

Aktiviti di hari kedua menjanjikan lebih keseronokan di mana peserta di bawa ke Kompleks Sukan untuk beriadah sebelum bersarapan. Selesai bersarapan, peserta dibawa berjalan sambil diiringi pihak keselamatan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ke Makmal Berpusat UMT. Sebelum berlangsungnya aktiviti di makmal, pembahagian eksperimen dijalankan berdasarkan kepada tahap pendidikan peserta sama ada tahap rendah (sekolah rendah) ataupun tahap atas (sekolah menengah). Aktiviti di makmal dimulakan dengan eksperimen-eksperimen kimia seperti *surfactant science*, *giant toothpaste* dan *slime*.

Giant toothpaste adalah antara eksperimen kesukaan peserta cilik kami di mana *hydrogen peroksida* dicampur bersama sabun pembersih pinggan. Pemangkin potassium iodida kemudian diletakkan pada campuran tersebut menghasilkan buih mampat yang membuih keluar daripada kelalang kon. Aktiviti diteruskan di makmal mikrobiologi di mana pelajar membedah tikus dan melakukan eksperimen seperti melihat sel-sel pipi di bawah mikroskop. Peserta yang semestinya tertarik dengan imej yang ditunjukkan di bawah mikroskop tidak dapat menunggu untuk melihat sel pipi masing-masing.

Explore Race diadakan di sekitar kawasan Kompleks Kuliah UMT di mana peserta secara berkumpulan perlu menyelesaikan tugas-tugas di lima *checkpoint* yang disediakan. Antara *checkpoint* yang menjadi kegemaran peserta adalah *checkpoint* mengisi udara ke belon menggunakan campuran cuka dan sodium bikarbonat yang menghasilkan gas karbon dioksida untuk diisi ke dalam belon tersebut.

Perasmian

Acara perasmian program Explore Science Camp 2016 dan Malam Apresiasi Sains diadakan pada malam 6 Mei 2016 di Dewan Syed Jalaluddin (DSJ) Universiti Malaysia Terengganu di mana Dekan Pusat Pengajian Sains Asas, Profesor Dr. Hamdan bin Suhaimi telah hadir merasmikan program yang julung kalinya diadakan ini. Malam Apresiasi Sains diadakan dengan tujuan untuk peserta-peserta *Explore Science Camp* membuat persembahan berunsurkan sains kepada para hadirin yang hadir pada malam tersebut termasuk ibu bapa peserta tersebut. Acara dimulakan dengan perasmian oleh Profesor Dr.



Hamdan Suhaimi dengan bantuan peserta cilik untuk melakukan eksperimen *giant toothpaste*. Selesai majlis perasmian, persembahan dimulakan di mana setiap kumpulan LDK di bawah bimbingan mentor masing-masing melakukan persembahan. Pelbagai gelagat yang ditunjukkan oleh peserta cilik kami di mana mereka cukup gembira dengan peluang untuk melakukan persembahan di hadapan ibu bapa mereka. Hadiah turut diberikan pada malam tersebut di mana semua kumpulan LDK berpeluang untuk mengambil hadiah di atas pentas.

Majlis penutup bagi Explore Science Camp 2016 diadakan pada pagi 7 Mei 2016 di Auditorium 2 di mana ibu bapa hadir untuk mengambil anak mereka yang sudah semestinya rindukan rumah setelah menginap di asrama selama dua hari. Acara penyerahan sijil turut diadakan bagi semua peserta di mana Penasihat Kelab Sains Kimia (KESMIA), Dr. Laili Haji Che Rose serta Penasihat Kelab Gabungan Mahasiswa Biologi (BIOSIS), Dr. Suzana Misbah serta Dr. Maziah Mohd Ghazaly. Respon daripada peserta serta ibu bapa sangat positif di mana ramai peserta yang sedih untuk meninggalkan mentor-mentor mereka yang sudah seperti kakak dan abang mereka sendiri. Respon ibu bapa juga sangat memberangsangkan di mana antara respon ibu bapa peserta adalah "Program seperti ini harus diteruskan untuk generasi akan datang bagi memupuk minat dan memberi inspirasi kepada generasi baru khususnya dalam bidang sains".

Misi Kemanusiaan Pembimbing Rakan Siswa Mahal Hagnaya D'Philippines



oleh: Nurrussaadah Mohd Azilah

Kelab Pembimbing Rakan Siswa UMT mengadakan satu lagi misi kemanusiaan di Filipina yang dinamakan Mahal Hagnaya D'Philippines (MAHAP) pada 1 April hingga 7 April 2016. Misi ini diadakan dengan tujuan untuk menerapkan sikap sukarelawan kepada mahasiswa UMT dalam menyampaikan bantuan misi kemanusiaan, serta perkongsian ilmu dan pengalaman bagi membentuk jati diri dan sahsiah yang berteraskan intelek dan kerohanian.

Selain itu, ia memberi peluang kepada mahasiswa untuk menjalankan kerja kemanusiaan kepada komuniti di Filipina, di samping dapat memupuk sikap yang prihatin dan kerjasama dalam diri peserta.

Barangay Punta, San Remigio, Hagnaya, Cebu Philippines dipilih sebagai medium pelaksanaan Misi Kemanusiaan Mahal Hagnaya D'Philippines (MAHAP) ini bertujuan menggalakkan semangat sukarelawan, pembangunan kemanusiaan dan akademik yang berasaskan pendidikan Islam. Cebu Madinah Community Centre merupakan pusat dakwah yang mengumpulkan golongan muafak dan gelandangan untuk

mempelajari ilmu agama Islam. Hampir setiap bulan, terdapat sukarelawan daripada Malaysia yang datang untuk memberikan bantuan sama ada daripada sudut dakwah mahupun bantuan makanan, pakaian serta barangan keperluan asas yang lain. Cebu Madinah Community Centre ini terdiri daripada sebuah masjid, dapur, ruang makan, gelanggan bola keranjang serta dua buah bilik tetamu. Masjid Cebu Madinah merupakan satu-satunya masjid di kawasan itu dan merupakan tumpuan utama ketika solat Jumaat. Di masjid ini juga menjadi medium untuk kegiatan dakwah dilakukan.

Bagi memperoleh dana untuk dibawa ke Hagnaya, 48 orang sukarelawan MAHAP bertungkus

lumus mengumpul dana daripada orang ramai. Terdapat beberapa inisiatif sukarelawan ini termasuk mengadakan jualan amal, larian amal, ceramah amal, kutipan di pasar malam dan pasar tani serta mendapat sumbangan daripada syarikat-syarikat dan orang perseorangan. Sebanyak RM130,000.00 hasil sumbangan daripada pelbagai pihak berjaya dikumpulkan. Misi ini turut mendapat kerjasama daripada Angkatan Sukarelawan Asas Sejahtera (ASAS), TV3, Pusat Rawatan Komuniti Pengkalan Chepa serta Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA). Sebelum bertolak ke Cebu, Filipina, sukarelawan MAHAP mengumpul barangan sumbangan daripada orang ramai berbentuk makanan, pakaian, al-Quran, ubat-ubatan serta alat tulis untuk dibawa ke sana. Pada 31 Mac yang lalu, sukarelawan MAHAP bersama beberapa sukarelawan ASAS dan MACMA serta kru TV3 bertolak ke Cebu dengan menaiki penerbangan Air Asia selama 3 jam. Perjalanan daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Mactan-Cebu ke Barangay Punta mengambil masa selama empat jam dengan menaiki van yang disewa.

Semasa di Cebu Madinah Community Centre, sukarelawan MAHAP bermalam di Masjid Cebu Madinah selama lima hari. Terdapat beberapa aktiviti yang diadakan sepanjang berkampung di sana antaranya, senaman pagi, sukaneka, pertandingan mewarna, bersukan dan beberapa aktiviti selingan. Sukarelawan ASAS yang terdiri daripada doktor turut mengadakan rawatan asas secara percuma kepada penduduk setempat. Selain itu, seramai 15 orang telah dikhatankan sepanjang misi ini. Sepanjang misi ini, seramai empat orang telah diislamkan dan sukarelawan MAHAP sempat menyaksikan perkahwinan di Masjid Cebu



Sukarelawan bersama sebahagian daripada kanak-kanak yang berada di sekitar kawasan Cebu Madinah Community Centre.



Cabaran...sepanjang misi, sukarelawan terpaksa memasak menggunakan dapur kayu api.

Madinah pada malam terakhir di sana. Kanak-kanak serta penduduk di Cebu Madinah Community Centre amat teruja dengan kedatangan sukarelawan MAHAP kerana misi ini merupakan program pertama yang membawa peserta paling ramai.

Setelah berakhir misi MAHAP di Cebu Madinah Community Centre, sukarelawan MAHAP bergerak ke Barangay Mantuyong iaitu merupakan antara penempatan komuniti Islam di Cebu. Baru-baru ini, berlaku kebakaran yang besar melibatkan tiga buah kampung serta sebuah masjid di situ menyebabkan ramai yang menjadi gelandangan. Sukarelawan MAHAP mengagihkan pek makanan kepada setiap keluarga serta pakaian dan kasut kepada kanak-kanak. Alat tulis turut diagihkan

sebagai bantuan persekolahan. Sumbangan memperbaiki masjid turut diberikan kepada imam masjid beserta bantuan lain seperti al-Quran dan tasbih.

Sukarelawan MAHAP amat teruja kerana diberi peluang untuk menyertai misi kali ini. Kebanyakan daripada sukarelawan adalah daripada pelajar tahun satu yang pertama kali menyertai misi seperti ini. Pengalaman memasak menggunakan dapur kayu api, tidur beralaskan tikar mengkuang, mandi menggunakan air payau di tandas yang tiada lampu menjadikan pelajar-pelajar UMT menjadi lebih bersyukur dengan kehidupan yang serba lengkap di Malaysia. Misi ini telah disiarkan di TV3 pada malam Hari Raya Aidilfitri Kedua.

Impian Teng Soon Wai kelilingi Dunia



oleh: Muhammad Fikri Adib Abdul Hakim

Jejak Alumni kali ini membawa anda untuk mengenali salah seorang alumni Universiti Malaysia Terengganu dan juga salah seorang pemegang Anugerah Pelajaran Diraja pada tahun 2012. Beliau Teng Soon Wai anak kelahiran Negeri Sembilan dan sekarang sedang bekerja di salah sebuah syarikat multi nasional minyak dan gas.

Teng Soon Wai dilahirkan pada 20 Mac 1988 di sebuah kampung di Negeri Sembilan. Beliau merupakan anak bongsu daripada lima adik beradik. Dilahirkan dalam kalangan keluarga yang juga bekerja dalam sektor maritim merangsang minat beliau sejak kecil lagi untuk belayar mengelilingi dunia. Ayahnya juga ialah seorang pelaut. Beliau mula

menjejakkan kaki di UMT sejak 2008 di peringkat Ijazah Sarjana Muda (Sains) Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim dan menamatkan Ijazah Sarjana Muda kelas pertama pada tahun 2012. Berkat ilmu yang beliau timba selama empat tahun di UMT telah memberikan beliau keberanian dan kecekalan semasa di industri.

Berasaskan ilmu yang beliau, kini beliau telah memiliki sijil lesen kompetensi kelas ketiga dan sedang fokus untuk mengambil kelas kedua. Beliau adalah individu pertama sebagai seorang pelajar Ijazah sarjana muda di UMT yang mengambil ujian lisan untuk memiliki sijil lesen kompetensi dan lulus dengan cemerlang. Kedudukan beliau di atas kapal sekarang ialah pegawai ketiga

yang bertanggungjawab menjaga keselamatan kapal dan juga pengemudi keempat sebuah kapal.

“Untuk belajar dengan bijak, saya menggunakan akal untuk berfikir di luar kotak pemikiran bagi menyelesaikan masalah sebelum berunding. Kedua, saya akan buat nota saya sendiri, tidak perlu untuk semua orang memahaminya, cukup untuk saya”, kata Teng Soon Wai. Itulah cara beliau dilatih semasa belajar di UMT, pengalaman memamatkan seseorang. Sebagai seorang pelajar yang tidak punyai pendapatan, pencapaian ialah salah cara beliau menunjukkan kebanggaan terhadap ibu bapa, guru-guru dan rakan rakan beliau. “Duit juga salah satu pembakar semangat saya. Saya tidak mahu

membayar hutang PTPTN, jadi hanya dengan bergraduan kelas pertama caranya.” Kata Teng Soon.

Masa beliau di darat sangat terhad, banyak masa beliau habis bekerja di laut. Jika ada masa cuti, beliau akan gunakan masa yang singkat itu dengan baik. Biasanya tempoh masa beliau belayar mengambil masa selama 6 bulan. Selain menghabiskan masa dengan keluarga tercinta semasa cuti, sudah pasti beliau akan melawat kawan dan pensyarah-pensyarah di UMT. Pengalaman di laut beliau akan dikongsikan dengan pelajar nautika untuk menaikkan semangat mereka untuk belajar.

Bidang maritim di dunia ini terlalu luas, dan hanya beberapa universiti sahaja yang menawarkan pengajian dalam bidang maritim. Jadi, peluang untuk bekerja di industri sangat tinggi. Hampir semua negara di dunia ini telah beliau lawati semasa beliau bekerja di atas kapal laut. Sebelum beliau sampai di tahap sekarang, beliau telah belayar beberapa bulan atas kapal kargo selepas menamatkan pengajian di UMT. Sehingga sekarang banyak ilmu pelayaran yang beliau perolehi semasa di industri dan *target* beliau adalah untuk menjadi kapten kapal suatu hari nanti. Pendapatan beliau sekarang ialah sekitar RM10,000.00 sebulan sebagai pegawai ketiga di sebuah kapal minyak dan gas.

Jelas beliau, industri perkapalan merupakan salah satu industri terbesar di dunia yang perlu di ceburi oleh golongan rakyat Malaysia. Selain menawarkan gaji yang lumayan, malah di samping itu bekesempatan untuk melawat banyak negara di dunia ini.

“Tidak rugi jika menceburi bidang maritim buat masa

sekarang, pekerjaan industri maritim bukan sahaja di laut malah di darat juga ada. Malaysia kekurangan tenaga pekerja daripada rakyat Malaysia sendiri dalam sektor maritim, terutama kapten kapal”, katanya. Beliau berpendapat, “Jangan sampai rakyat negara lain mengambil alih industri maritim di Malaysia”.

Kata kata akhir beliau buat UMT “Tanpa pensyarah-pensyarah berilmu yang memupuk saya, siapalah saya hingga sekarang. Satu penghargaan yang besar buat mereka”.



Pentauliahkan Teng Son Wai (sebelah kiri) sebagai pegawai PALAPES.



Teng Son Wai (sebelah kiri) pemegang Anugerah Pelajaran Diraja (bukan bumiputera).

Pencapaian Semasa Menamatkan Ijazah:

- ▶ Mendapat ijazah kelas pertama RM5,000.00
- ▶ Anugerah Pelajaran Diraja kategori (bukan bumiputera) RM1,000.00
- ▶ Pelajar terbaik keseluruhan dalam Fakulti RM500.00
- ▶ Pelajar terbaik dalam jabatan RM500.00
- ▶ Tesis terbaik RM500.00
- ▶ Pencapaian pelajar terbaik Negeri Sembilan RM5,000.00
- ▶ Pengecualian untuk PTPTN
- ▶ Ditauliahkan sebagai pegawai PALAPES
- ▶ Ditaja sebagai kadet di sebuah syarikat perkapalan minyak dan gas

Ke Arah Zero Kaviti



oleh: Dr. Aina Mardhiah Md Khairi
Pusat Kesihatan UMT

Semasa musim perayaan kita menikmati pelbagai jenis makanan seeloknya kita memahami apa itu kaviti pada gigi. Ketahuilah apakah itu kaviti dan punca berlakunya kaviti kepada gigi kita.

Apakah itu kaviti?

Kaviti istilah perubatan untuk kerosakan gigi atau gigi reput. Ia merujuk kepada pemusnahan struktur gigi dan boleh melibatkan kedua- dua enamel dan dentin.

Apakah puncanya?

- ▶ Terdapat banyak jenis bakteria yang hidup dalam mulut.
- ▶ Bakteria berkumpul dengan air liur, sisa makanan dan lain-lain bahan semula jadi di atas permukaan gigi dalam satu selaput melekit yang dipanggil **PLAK**
- ▶ Sesetengah bakteria di dalam plak boleh mengubah gula dan karbohidrat di dalam makanan yang kita makan untuk menjadi asid.
- ▶ Asid inilah yang melarutkan mineral daripada permukaan gigi, membentuk lubang mikroskopik atau hakisan yang akan membesar dan menyebabkan **KAVITI**.

Siapa yang menanggung risiko?

- ▶ Secara umumnya, ramai kanak-kanak dan orang dewasa mengalami kaviti. Beberapa faktor yang meningkatkan risiko ialah:
- ▶ Diet karbohidrat (gula dan kanji)
- ▶ Minum air tanpa florida
- ▶ Mulut kering
- ▶ Ubat- ubatan
- ▶ Kesihatan mulut yang kurang baik

Apakah tanda- tanda kerosakan gigi?

- ▶ Kaviti atau lubang dalam gigi.
- ▶ Gigi sensitif terhadap makanan manis atau bersuhu tinggi atau rendah.
- ▶ Sakit gigi.
- ▶ Makanan yang tersekat di celah-celah gigi.

Apakah bahagian- bahagian gigi yang mungkin rosak?

1. Kerosakan di permukaan mengunyah apabila plak terperangkap di dalam lekuk gigi. Keadaan ini biasa di kalangan kanak-kanak kerana mereka tidak membersihkan kawasan ini dengan sewajarnya.
2. Kerosakan di celah gigi berlaku apabila plak terkumpul di tempat-tempat yang sukar dicapai. Tempat-tempat ini ini tidak boleh tercapai dengan berus gigi sahaja dan mungkin terjadi sekiranya pemflosan dan pembersihan di antara gigi tidak dilakukan selalu.
3. Kerosakan pada permukaan akar gigi berlaku jika pesakit mengalami gusi yang menyurut atau kehilangan tulang (selalu dikaitkan dengan penyakit gusi atau periodontitis).

Apakah peringkat- peringkat kerosakan gigi?

1. Bintik putih

Bakteria yang terdedah kepada gula dan karbohidrat akan menghasilkan asid yang menyerang enamel gigi. Proses ini dipanggil penghakis mineral. Tanda yang pertamanya adalah bintik putih. Pada peringkat ini, proses kerosakan masih boleh dirawat.

2. Kerosakan enamel

Hakisan mineral berterusan. Enamel mula pecah, gigi anda tidak boleh dipulihkan sendiri. Kaviti ini harus dibersihkan dan dipulihkan oleh doktor gigi.

3. Kerosakan dentin

Kerosakan merebak ke bahagian dentin dan melemahkan bahagian enamel.

4. Penglibatan pulpa gigi

Jika kerosakan tidak dirawat, ia akan merebak ke pulpa gigi yang mengandungi saraf dan salur darah. Pulpa gigi akan dijangkiti. Bengkak atau fistula (bukaan pada permukaan gusi) boleh membentuk dalam tisu lembut.

Apakah rawatan untuk kaviti gigi?

- ▶ Rawatan biasa adalah menampal dan memulihkan gigi.

▶ Jika kaviti adalah besar dengan hakisan yang luas, bahagian gigi yang tinggal mungkin tidak dapat menyokong jumlah tampalan yang diperlukan untuk merawat. Dalam situasi ini, doktor gigi akan membasmi kerosakan, menampal kaviti dan menutup gigi dengan korona tiruan.

▶ Kadang-kadang mungkin akan terdapat kerosakan yang lebih di dalam bahagian dalam gigi. Doktor gigi boleh merujuk anda kepada pakar pergigian (pakar endodontik) untuk rawatan akar gigi. Sewaktu prosedur ini, saraf dan pulpa gigi dikeluarkan dan bahagian dalam gigi dibersihkan lalu ditutup. Biasanya korona gigi asli digantikan dengan korona tiruan.

Apakah yang anda boleh lakukan untuk mencegah kerosakan gigi?

1. Berus gigi dua kali sehari dengan ubat gigi yang berflorida.
2. Gunakan alat "interdental" seperti flos atau berus gigi interdental untuk membersihkan ruang di antara gigi untuk menanggalkan plak di kawasan yang suka dicapai oleh berus gigi.
3. Gunakan ubat kumur antibakteria dua kali sehari selepas memberus. Kumur untuk 30 saat.
4. Makan diet yang seimbang.
5. Jumpalah doktor gigi anda selalu.

Sumber: Pamphlet Colgate

Operasi Khidmat Komuniti Orang Asli



oleh: **Muhamad Akhdan Zuwairi Ta'at**

Pada 23 April 2016, Kelab Amatur Intelektual (KAI) telah Berjaya melaksanakan Program Operasi Khidmat Komuniti Orang Asli (OPKIM). Program tersebut telah diadakan di Kampung Orang Asli Sungai Berua, Kuala Berang, Hulu Terengganu. Kampung Orang Asli ini diselia oleh seorang pegawai iaitu Encik Razali Ngah yang lebih mesra dengan gelaran 'Abe Li' dan dibantu oleh seorang ustaz dan ustazah daripada Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM).

Seramai 55 orang peserta terlibat dalam program yang berlangsung selama setengah hari ini. Kelab Amatur Intelektual mengadakan program ini bagi mendekati kaum Orang Asli yang sering kali jauh daripada berhubung dengan masyarakat luar. Selain itu, program ini merupakan satu inisiatif bagi menanam semangat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa dan menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan. Pelbagai aktiviti telah diadakan bagi meraikan kanak-kanak Orang Asli di kampung tersebut seperti sukaneka, aktiviti mewarna dan aktiviti "Jom Kenali Pencipta". Maklum balas yang diperoleh sangat positif

baik daripada penyelia dan juga masyarakat setempat. KAI juga membawa sedikit sumbangan berbentuk barangan keperluan harian bagi meringankan beban penduduk di kampung ini yang merupakan hasil sumbangan orang ramai.

KAI yang sudah bertapak di Universiti Malaysia Terengganu hampir satu dekad sering kali membawakan program-program yang mendepani isu semasa dan mahasiswa. Tidak ketinggalan pada 15 April sebelumnya, Program "Spread De Deen" diadakan bagi menyebarkan kesedaran tentang kezaliman rejim Bashar Al-Assad yang berterusan membunuh penduduk Syria. Program yang berkonsepkan "Street dakwah" ini telah dijalankan di Mydin Mall, Gong Badak dan mendapat maklum balas yang sangat baik daripada pengunjung pusat beli belah tersebut. Dalam memastikan kebajikan mahasiswa sentiasa di hadapan, KAI juga telah melancarkan "Food4U". Inisiatif ini diambil bagi membantu mahasiswa mendapatkan makanan daripada kafetaria-kafetaria yang telah bersetuju dalam usaha sama menyediakan makanan percuma untuk mahasiswa Universiti Malaysia Terengganu.

Dalam membawa mesej spiritual, KAI telah mengadakan Program Menanti di Barzakh. Program ini dijalankan bagi menyampaikan mesej tentang kematian yang sangat hampir kepada seluruh pengunjung yang hadir. Sambutan yang diberikan melebihi jangkauan kerana seramai hampir 400 orang memenuhi Dewan Auditorium Mahyudin di Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim (PPPM) pada malam program berlangsung. Sepanjang sesi kepimpinan 2015/2016 pelbagai lagi program yang dijalankan, antaranya *Explorace* Kuala Terengganu, Forum Kahwin Muda, Sambutan Hari Wanita (kelolaan SAFiA), Rundingan Meja Bulat bersama MKS dan Majlis Kesyukuran KAI. Kesemua program yang berjaya dijalankan hasil daripada komitmen pelbagai pihak yang tidak berbelah bahagi dan pengurusan perancangan program yang teliti oleh ahli jawatan kuasa yang terlibat. Menurut Presiden KAI, Muhamad Akhdan Zuwairi bin Taat, KAI merupakan kelab sosial Islamik yang mengajak mahasiswa mengenal Tuhan dan sentiasa berusaha untuk memastikan setiap program yang dijalankan dapat membawa elemen, "*Islam is the way of life*".

Mari Bersama Kita Berkhidmat

oleh: Nurul Syahirah Roslan

Program khidmat masyarakat yang diberi nama "Let's Serve" telah dianjurkan oleh Kelab Bahasa dan Komuniti (LACC) yang diadakan di Pusat Penjagaan Kanak-kanak Terencat Akal, Kuala Terengganu pada 7 Mei 2016 yang lalu telah berlangsung dengan jayanya. Program yang dianjurkan ini telah mendapat kerjasama yang memberangsangkan daripada pelbagai pihak. Seramai dua pegawai kesihatan daripada Pusat Kesihatan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), tiga doktor gigi swasta serta dua orang kakitangan daripada Maybank. Program khidmat masyarakat ini juga telah disertai oleh 20 orang pelajar UMT daripada kelab LACC.

Bermotifkan "Kita Mampu Mengorak Perubahan Bersama", lawatan ini diadakan bagi memupuk semangat prihatin dan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar dan ahli kelab terhadap masyarakat di luar kampus yang kurang upaya. Di samping itu, ia juga dapat melatih para pelajar untuk menjalin hubungan kerjasama yang baik dengan masyarakat di luar kampus.

Di antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini ialah pemeriksaan kesihatan oleh pegawai kesihatan daripada UMT dan pemeriksaan pergigian oleh doktor gigi dari klinik swasta. Kesemua kanak-kanak istimewa yang terlibat sangat teruja dengan



pemeriksaan tersebut. Secara tidak langsung, aktiviti ini telah dapat membantu pusat jagaan tersebut memastikan kanak-kanak serta staf di pusat jagaan mereka berada dalam keadaan yang sihat di samping membantu meringankan kos rawatan kesihatan dan rawatan gigi.

Para peserta dan staf juga telah bersama-sama berganding bahu untuk menjalankan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran tempat jagaan tersebut. Di samping itu, para peserta dan kanak-kanak istimewa juga turut mengadakan aktiviti nyanyi sambil memainkan instrumen bunyian seperti tamborin dan marakas bagi memeriahkan lagi suasana pada hari tersebut.

Sebelum majlis berakhir, ahli kelab LACC juga telah membuat penyerahan sumbangan kewangan dan juga barangan keperluan asas bagi pusat tersebut yang telah disumbangkan oleh pihak penaja program LACC -Let's Serve.

Program ini telah mendapat tajaan yang menggalakkan



daripada pelbagai pihak seperti Bank Maybank cawangan Kuala Terengganu, Orient Europharma (M) Sdn. Bhd, PBH Music Art Sound and Lightning, Klinik Pergigian Dentique, UBISSON Sdn. Bhd, Data Print Sdn. Bhd. serta LIM Medical Supplies Sdn. Bhd. Sokongan dan kerjasama daripada pihak yang terlibat telah membolehkan pihak LACC melaksanakan aktiviti tersebut dengan lancar. Justeru, dengan berlangsungnya program khidmat masyarakat ini, ianya dapat menyedarkan masyarakat bahawa kita perlu mengembeling tenaga membantu masyarakat yang kurang bernasib baik bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang penyayang. Justeru pepatah yang mengatakan; "*berat sama dipikul, ringan sama dijinjing*" perlu dijadikan amalan bersama.

Awan Kinabalu Berjaya di Tawan

oleh: Nur Farhani Zainudin

Kelab Kembara (KREX) UMT 2015/2016 telah menganjurkan Program Khidmat Komuniti ke Gunung Kinabalu telah yang diadakan pada 16-20 April 2016 yang lalu juga merupakan anjuran bersama Kelab Rekreasi Luar (KERLU) Universiti Pendidikan Sultan Idris UPSI. Program ini berjalan diiringi oleh Pn. Siti Khatijah Harun, Penolong Pegawai Pusat Islam Sultan Mahmud merangkap Penasihat Kelab Kembara serta penasihat dari Kelab Rekreasi Luar (KERLU) UPSI itu sendiri.

Sepanjang berada di Sabah, pelbagai tempat menarik telah kami kunjungi antaranya Jabatan Tamparuli, Desa Cattle Dairy Farm, Kundasang serta kampung Mesilau, Kundasang. Pelbagai input yang kami peroleh mengenai adat dan cara hidup masyarakat disini.

Program yang berobjektifkan sukan dan rekreasi ini mampu membina ketahanan dan daya keyakinan diri dalam jiwa setiap peserta. Berbekalkan semangat dan keazaman serta keinginan yang tinggi seramai 22 dari 23 peserta UMT berjaya mendaki hingga ke puncak Kinabalu yang setinggi 4095.2 m dari paras laut pada 19 April 2016 yang lalu. Pengalaman berada di puncak Kinabalu ibarat berada di dunia di atas awan.

Program selama 5 hari 4 malam ini melabuhkan tirai dengan jayanya pada 20 April 2016 dan semua peserta selamat tiba di UMT keesokan paginya. Tahniah kepada Kelab Kembara (KREX) UMT 2015/2016. Semoga program ini dapat menaikkan lagi nama kelab dan nama Universiti Malaysia Terengganu di mata umum serta dunia pergunungan. *"There is not the mountain we conquer, its ourself"*.



"There is not the Mountain we conquer.. it our self!!"Southein peak of Mount Kinabalu.



Kejohanan Anak Negeri 2016

oleh: Nur Izzati Ramli

Minda yang cerdas datang daripada badan yang sihat', begitulah objektif utama Kejohanan Anak Negeri yang julung-julung kali diadakan ini dipertandingkan selain fokus utamanya adalah mengeratkan hubungan silaturahim antara mahasiswa yang datang dari semua pelusuk negeri di Malaysia serta belajar menghormati adat dan budaya negeri masing-masing. Idea ini hasil cetusan daripada buah fikiran barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Majlis Anak Negeri (MAN).

Kejohanan Anak Negeri telah diadakan selama dua hari berturut-turut pada 13 dan 14 Mei 2016. Sebanyak empat acara sukan yang dipertandingkan iaitu bola sepak, bola jaring, futsal kategori lelaki dan perempuan dan bola tampar juga bagi kategori lelaki dan perempuan. Semua acara sukan ini dijalankan di setiap gelanggang sukan di kawasan Universiti Malaysia Terengganu.

Dari 14 buah negeri di Malaysia, hanya sembilan negeri yang menghantar wakil bagi setiap acara sukan iaitu negeri Perak, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Johor, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak. Kemeriahan setiap acara sukan dapat dilihat di setiap gelanggang sukan dengan sorakan penyokong setiap negeri. Peserta yang menyertai setiap acara dalam kejohanan ini tidak semua yang mahir bersukan, namun sikap kerjasama yang dipupuk sejak awal sebelum kejohanan itulah yang harus dipuji. Mereka gigih berlatih pada waktu senggang bersama pasukan negeri masing-



masing.

Acara perbarisan lintas hormat oleh kontinjen setiap negeri yang menyertai kejohanan dimulakan sebelum acara perasmian penutup yang dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMT, YBhg. Profesor Dr. Anuar bin Hassan. Beliau diiringi oleh Yang di Pertua Majlis Perwakilan Pelajar iaitu Saudara Muhammad Rahimi bin Samsudin dan Saudari Nur Izzati binti Ramli selaku Pengarah Program Kejohanan Anak Negeri. Perarakan diketuai oleh semua presiden negeri bersama bendera dan pakaian yang melambangkan setiap negeri.

Perlawanan akhir bola sepak antara negeri Kelantan dan Terengganu mendapat sambutan yang hangat daripada para

penonton yang hadir membanjiri Kompleks Sukan seawal jam 8.00 malam. Perlawanan akhir bola sepak menyaksikan negeri Kelantan memenangi perlawanan dengan skor terbanyak mengalahkan Terengganu. Acara penyampaian hadiah bagi semua acara disempurnakan oleh Prof. Anuar bin Hassan. Johan keseluruhan dimenangi oleh negeri Kelantan diikuti oleh Terengganu dan Perak.

Kesinambungan daripada Kejohanan Anak Negeri ini, diharapkan pada kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar pada sesi akan datang dapat meneruskan legasi kejohanan ini dan meneruskan usaha memartabatkan sukan, adat dan budaya yang menjadi khazanah bernilai setiap negeri di Malaysia.

*Allah Sentiasa Menguji Kita
Ketika Kesusahan
Ketika Kesenangan
Ketika Kebahagiaan
Ketika Kesedihan
Ketika Kekayaan
Ketika Kemiskinan
Kembalilah Kepada Allah
Ketika Kita Menghadapi Ujian-Nya*

(Dato' Prof. Madya Dr. Noraien Mansor, Ogos 2016)